

# Menjana Budaya Ilmu di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma

Siti Nazilah Mat Ali, Khatijah Omar

dan Isma Rosila Ismail

Fakulti Pengurusan & Ekonomi

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM),

21030 Kuala Terengganu, Terengganu

nazilah@kustem.edu.my

**Abstrak:** Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia berkembang pesat sejak sedekad lalu dengan pelbagai pembaharuan dari segi dasar dan inisiatif. Perkembangan ini dirangka selari dengan kepentingan ilmu dan keperluan pembangunan modal insan, bukan saja untuk keperluan tempatan malah didorong oleh dasar untuk menyediakan perkhidmatan pengajian tinggi berkualiti bagi memenuhi permintaan di rantau ini. Perkembangan ini bukan berlaku secara kebetulan, akan tetapi melalui perancangan strategik dasar kerajaan terhadap sektor pengajian tinggi yang proaktif, kestabilan politik, kepesatan ekonomi dan permintaan tinggi terhadap pengajian tinggi. Matlamat untuk membangunkan modal insan sudah pasti tidak akan tercapai sekiranya pembelajaran di IPT disalahtafsirkan ataupun hanya dianggap sebagai batu loncatan sahaja. Komuniti IPT perlu menyedari bahawa kemajuan ilmu yang sebenar tersurat menerusi kualiti jiwa, minda, aspirasi, cara hidup dan kemahiran yang dibangunkan dalam diri setiap ahli dalam komuniti akademik, termasuklah graduan. Untuk mencapai tahap dan kualiti kemajuan ilmu yang tinggi, dimensi kualiti pengajian tinggi itu sendiri seharusnya kompeten untuk membentuk budaya ilmu. Bagaimana untuk menjana budaya ilmu perlu dibuat perancangan yang rapi dengan mengambil kira aspek individu, proses dan persekitaran untuk menjamin kemampaman pembudayaan ilmu. Kertas kerja ini akan mengupas tentang anjakan paradigma sebagai satu proses perubahan sikap dan tingkahlaku ke arah penjanaan budaya ilmu di IPT. Paradigma baru perlu dibina sebagai asas kepada pembentukan budaya ilmu. Paradigma baru ini boleh dicipta dengan kaedah mewujudkan dan merperlihatkan keperluan dan kepentingannya bagi seseorang individu khususnya dan masyarakat amnya. Sebagai natijahnya, segala dana yang diperuntukkan, perancangan yang dibuat, pengembangan sumber manusia dan transaksi tidak akan tersasar daripada matlamat penjanaan modal insan sekaligus menyumbang kepada kemajuan agama, bangsa dan negara.

**Katakunci:** Modal insan; budaya ilmu; paradigma dan rasuah.

## Pendahuluan

Matlamat untuk membangunkan modal insan sudah pasti tidak akan tercapai sekiranya pembelajaran di IPT disalahtafsirkan ataupun hanya dianggap sebagai batu loncatan sahaja yang bertujuan untuk mendapat pekerjaan semata-mata. Komuniti IPT perlu menyedari bahawa kemajuan ilmu yang sebenar tersurat menerusi kualiti jiwa, minda, aspirasi, cara hidup dan kemahiran yang dibangunkan dalam diri setiap ahli dalam komuniti akademik, termasuklah graduan. Keagungan sesebuah empayar atau bangsa banyak bergantung kepada pencapaiannya di dalam penjanaan modal insan. Pencapaian ini, akhirnya menjadi sumbangan tamadun manusia kepada peradaban dunia yang kekal mempengaruhi perjalanan masyarakat dunia sejak dulu hingga kini. Lihat bagaimana besarnya sumbangan tamadun dunia seperti Mesir, Mesopotamia (Babylon), Yunani, Rom, Parsi, China, India, Jepun, Korea, Eropah dan paling penting, tamadun Islam dengan keunggulannya berbanding tamadun lain yang pernah dibina dan dicatat di dalam sejarah dunia.

Tiga ciri utama tamadun Islam adalah akidah suci dan kukuh kepada Allah; syariah yang dijadikan panduan serta peraturan hidup dan akhlak mulia. Ciri-ciri tersebut yang membuatkan pembinaan tamadun gemilang oleh umat Islam lebih bererti berbanding bangsa lain di dunia. Tamadun Islam yang berasaskan prinsip suci, contohnya yang diwakili oleh Kerajaan Bani Ummayyah (Damsyik: 41-133 Hijrah/ 661 -750 Masihi dan Andalus: 139-423 Hijrah /756-1031 Masihi) dan Bani Abbasiyyah (Baghdad: 132-656 Hijrah/750-1258 Masihi) memperlihatkan keunggulan yang tidak terbanding. Malaysia juga turut berusaha untuk membentuk sebuah tamadun yang unggul dengan meletakkan beberapa asas penting ke arah membina sebuah tamadun. Antara prinsip yang digariskan adalah keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi, kemerdekaan jiwa daripada sebarang bentuk belenggu, penguasaan ilmu pengetahuan, keseimbangan pembangunan ekonomi, keutuhan akhlak serta budaya.

## Kepentingan Kajian

Rasuah adalah salah satu masalah utama negara. Gejala rasuah telah berlaku sejak dahulu lagi tetapi ia telah menular begitu serius di kalangan masyarakat masa kini. Rasuah boleh berlaku di semua peringkat masyarakat terutamanya mereka yang mempunyai kuasa dan kepentingan yang digunakan untuk faedah peribadi. YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menjadikan pemberantasan rasuah sebagai objektif utama dalam kepimpinannya bagi memastikan Negara Malaysia bersih dari gejala rasuah. Penglibatan rasuah di dalam negara akan menghalang pencapaian produktiviti negara dan memudarati masyarakat serta rakyat. Mengikut statistik yang dilaporkan oleh Badan Pencegah Rasuah, sebanyak 99 kes tangkapan bersabit jenayah rasuah bagi dua bulan pertama pada tahun ini, sebanyak 485 kes pada tahun 2005, 497 kes pada tahun 2004 dan 339 kes pada tahun 2003. Justeru itu, penglibatan rasuah haruslah dicegah dan dihapuskan dari akar umbi agar Negara Malaysia menjadi negara maju di ambang tahun 2020. Satu pelan tindakan bersepada amat diperlukan untuk memastikan agar graduan yang dididik di manara gading berpegang teguh dengan etika profesionalisme yang tinggi apabila mereka berkhidmat di sektor awam maupun swasta serta di dalam kehidupan bermasyarakat dan lebih-lebih lagi sebagai barisan kepimpinan negara akan datang.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan siri pakej pembangunan negara yang amat penting. Terdapat lima teras yang menjadi tumpuan pembangunan yang menyentuh nilai tambah dalam ekonomi negara iaitu pembangunan modal insan, memperkasa status sosio-ekonomi, meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup serta mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara. Wawasan 2020 adalah visi negara Malaysia untuk mencapai tahap kemajuan tertinggi dan RMK-9 serta Rancangan Malaysia seterusnya akan menjadi pemangkin kepada visi ini. Lima teras yang dijadikan fokus boleh memberi landasan kepada suatu pembangunan yang seimbang berasaskan 'Acuan Kita Sendiri'. Tuntutan terhadap pendekatan holistik adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana faktor globalisasi menuntut strategi pengimbangan supaya kemajuan yang bakal berlangsung tidak menolak kepentingan nilai dan etika.

## Definisi dan Konsep

Menurut kamus Dewan, menjana didefinisikan sebagai menghasilkan, mengadakan, melahirkan atau mengeluarkan. Budaya didefinisikan sebagai tamadun atau peradaban. Ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan, kepandaian dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain. Budaya ilmu didefinisikan sebagai tamadun ilmu. Menurut Williams (1970), budaya merujuk kepada seluruh objek material dan idea-idea kompleks yang digunakan oleh individu di dalam suatu masyarakat untuk menjalankan kehidupan kolektif mereka. Budaya pula terdiri daripada enam unsur iaitu pengetahuan yang terdiri daripada sistem idea yang abstrak, kepercayaan yang terdiri daripada sistem keyakinan yang abstrak, teknologi yang merupakan hasil penggunaan pengetahuan dan kepercayaan dalam kehidupan empiris, bahasa yang terdiri daripada himpunan simbol tertentu yang digunakan oleh ahli masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka, nilai yang merupakan piawai hasrat atau keinginan dalam masyarakat dan norma yang terdiri daripada peraturan khusus yang menjelaskan apa yang patut dibuat di dalam situasi tertentu.

Konsep ilmu pula mengikut perspektif barat adalah bersifat unilateral, yang mana terbatas kepada ilmu yang berdasarkan kepada alam nyata dan menekankan kepada aspek keduniaan sahaja. Mengikut Skinner (1953) contohnya, ilmu adalah satu rangkaian ransangan dan gerak balas, manakala mengikut perspektif Islam, ilmu tidak terbatas kepada perkara-perkara zahir di dunia tetapi melibatkan juga perkara yang ghaib (Nik Azis Nik Pa, 1994). Kamus Dewan mendefinisikan paradigma sebagai linkungan atau batasan pemikiran seseorang atau sesebuah organisasi pada sesuatu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran yang ada. Manakala anjakan paradigma merujuk kepada peralihan paradigma daripada satu lingkungan atau batasan kepada sesuatu yang baru dan biasanya sesuatu yang lebih baik. Dalam erti kata lain, paradigma ialah cara kita melihat dunia dari segi persepsi, pemahaman dan tafsiran.

Paradigma boleh diumpamakan sebagai peta yang mana peta bukanlah kawasan tetapi berfungsi untuk memberi penerangan mengenai sesuatu kawasan. Begitu juga dengan paradigma yang mana berfungsi untuk memberi penerangan bagi sesuatu yang lain. Oleh yang demikian, sekiranya peta yang kita ada adalah peta yang menunjukkan tempat yang salah bagi destinasi yang dituju, usaha kita untuk sampai ke destinasi tersebut akan gagal. Begitu juga dengan tingkah laku, kita mungkin berusaha dengan lebih tekun dan dedikasi untuk mengubah sikap dan tingkah laku kita, akan tetapi kita hanya berjaya meletakkan diri kita di tempat yang salah kerana kita menggunakan paradigma yang salah. Kita juga sering berhadapan dengan masalah kegagalan di dalam prestasi tahunan walaupun kita merupakan pekerja yang begitu aktif dan kuat bekerja.

Keadaan ini berlaku bukan kerana kita seorang pekerja yang malas dan tidak produktif tetapi kita salah memilih peta yang menjadi garis panduan bidang kerja yang patut kita penuhi. Sebagai seorang ahli akademik sebagai contoh,

bidang tugas kita adalah lebih kepada pengajaran, penyelidikan, penerbitan, penyeliaan dan perundingan. Sekiranya kita memenuhi bidang tugas yang lain, walaupun sikap dan tingkah laku kita begitu positif dan kita begitu gembira kerana sumbangan kita, kita tetap akan menerima kegagalan dalam profesi kita. Oleh yang demikian ketepatan peta atau paradigma amat penting kepada seseorang individu.

Di dalam konteks pembelajaran di IPT sebagai contoh, pelajar-pelajar perlu diterapkan dengan paradigma yang betul dan tepat. Apakah matlamat yang patut wujud di dalam setiap mahasiswa. Adakah hanya segolong ijazah yang menjadi perjuangan mereka. Persoalan seumpama ini perlu dilontarkan kepada semua lapisan komuniti IPT kerana kejayaan penjanaan modal insan bukan terletak di bawah tanggung jawab mahasiswa sahaja bahkan keseluruhan komuniti IPT yang berperanan sebagai penyedia perkhidmatan tersebut. Adalah amat penting untuk menyuntik paradigma baru di kalangan pelajar-pelajar IPT secara serius dan penuh dedikasi bahawa matlamat pembelajaran bukan hanya sekadar untuk menyumbang kepada sektor guna tenaga, akan tetapi apa yang paling penting adalah penjanaan modal insan yang kemudiannya bukan hanya sekadar mampu untuk berkhidmat di dalam sektor pekerjaan, akan tetapi di dalam keseluruhan aspek kehidupan samada kehidupan individu, bermasyarakat, negara ataupun dunia global.

Sekiranya paradigma modal insan gagal dibentuk dan diterapkan di kalangan pelajar-pelajar, mereka akan terus sesat dan menyesatkan. Mereka pula akan menjadi agen atau duta tidak bertauliah untuk menyebarkan fahaman yang salah kepada pelajar-pelajar baru. Sebagai warga IPT, kita dapat lihat secara jelas bagaimana tahap kewibawaan pelajar-pelajar IPT kini. Berapa ramaikah mereka yang benar-benar mempunyai dan mendokong paradigma yang betul dan tepat sebagaimana yang menjadi hasrat dan aspirasi negara. Adakah mereka belajar kerana ilmu ataupun kerana untuk mencatat rekod prestasi yang cemerlang semata-mata. Justeru itu, mereka menghafal segala nota secara membuta tuli dan kemudiannya memuntahkan segala isinya di dewan peperiksaan. Mereka yang terkonkong dengan paradigma seumpama ini sudah pasti akan merungut sekiranya mereka diuji dengan dimensi kefahaman dan aplikasi di dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, dicadangkan supaya satu kajian yang menyeluruh perlu dibuat untuk mendapatkan statistik paradigma modal insan di kalangan pelajar-pelajar IPT. Sebagai penyedia perkhidmatan kita mesti memenuhi keperluan pelanggan berasaskan objektif bukan kehendak pelanggan secara membuta tuli. Konsep penambahbaikan tidak seharusnya mendapat tanggapan yang silap.

Proses pelaziman yang berlaku dalam kehidupan kita memberi impak dan pengaruh yang kuat dalam membentuk paradigma seseorang. Keluarga, sekolah, IPT, kepercayaan, persekitaran dan masyarakat secara tidak sedar telah memberi rangka rujukan dan paradigma kepada seseorang individu. Begitu juga paradigma yang wujud pada sesetengah masyarakat kita yang meletakkan matlamat pembelajaran di menara gading hanya sekadar mendapatkan segolong ijazah sebagai tiket untuk mendapat pekerjaan semata-mata. Paradigma inilah kemudiannya akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang. Oleh yang demikian, mereka akan merasa begitu kecewa apabila tidak mendapat pekerjaan dan apa yang menyedihkan mereka merasakan begitu rugi dan tidak mendapat apa-apa faedah mendapat peluang pembelajaran di IPT. Jika paradigma seumpama ini terus kekal dan tiada usaha untuk membentuk paradigma baru dibuat, mereka akan terus hanyut meskipun mereka mendapat pekerjaan. Ini adalah kerana, paradigma yang wujud hanya berteraskan kepada pekerjaan dan bukan nilai ilmu yang akan memandu keseluruhan linkungan kehidupan termasuklah dunia pekerjaan.

Suatu perkara yang perlu ditegaskan bahawa kita sering mempertahankan sesuatu paradigma mengikut persepsi dan kefahaman kita. Kita menghuraikan sesuatu mengikut kacamata kita sendiri dan mempertahankan hujah dengan penuh yakin bahawa fakta dan pandangan yang kita ada adalah lebih baik dan objektif tanpa melihat dari segi realiti sesuatu perkara. Kita tidak sedar bahawa orang lain juga memandang dan menilai sesuatu perkara mengikut persepsi dan pengalaman unik mereka. Oleh yang demikian, pendirian sebegini akan menghadkan persepsi kita mengenai sesuatu perkara dan kelangsungan daripada itu akan membatasi diri kita untuk mengkaji paradigma yang kita ada apatah lagi untuk membuat suatu anjakan paradigma. Menurut Stephen Covey (1989), anjakan paradigma bukan sekadar perubahan sikap dan tingkah laku akan tetapi perubahan yang berasaskan prinsip. Prinsip yang menjadi dasar untuk kebahagiaan dan kejayaan yang kekal. Prinsip merupakan sesuatu hukum semulajadi dan mustahil untuk kita memusnahkan hukum. Prinsip integriti dan kejujuran akan membina dasar kepercayaan, kerjasama dan hubungan interpersonal jangka panjang. Begitu juga prinsip membudayakan ilmu akan mengangkat martabat manusia dan tamadun bangsa. Perubahan sikap dan tingkah laku tanpa didasari kepada sesuatu prinsip akan goyah apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran. Hanya anjakan paradigma yang berasaskan prinsip mampu untuk mempertahankan persepsi baru terhadap modal insan dan kelangsungan daripada itu mencipta pengalaman baru yang akhirnya menjadi budaya dan tradisi bagi sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, kita perlu mengkaji paradigma kita kerana perubahan sikap dan tingkah laku yang tidak berpusat kepada sesuatu paradigma akan membawa kepada kegagalan hidup ataupun hanya akan memberi manfaat yang sedikit dan tidak akan bertahan lama.

## Kepentingan Paradigma Budaya Ilmu

Teori Fungsional mengenai sikap menerangkan kenapa perubahan sikap adalah sesuatu yang sukar. Menurut teori tersebut, sesuatu sikap itu ada fungsinya yang tersendiri dan untuk mengubah sikap seseorang adalah perlu untuk memastikan tentang kenapa perlunya sesuatu sikap itu kepada penganutnya, adakah ia memberi kepuasan dan kebaikan atau sebaliknya apabila bersikap sedemikian. (Katz, D. & Stotland, E., 1959). Kepentingan budaya ilmu telah diakui oleh seluruh masyarakat dunia samada di dalam tamadun Islam maupun barat. Surah pertama yang diturunkan iaitu Surah Al-Alaq adalah mengenai ilmu. "Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah, Yang mengajarkan (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya". (Surah al-'Alaq : 1-5). Dinyatakan lagi tentang kepentingan ilmu di dalam Al-Quran, firman Allah swt. yang bermaksud, "Katakanlah , Apakah sama orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu?"(Surah al-Zumar : 9). Perhiasan yang sebaik-baiknya ialah ketinggian ilmu. Jika setiap sesuatu perkara mempunyai kunci, maka kunci bagi akal adalah ilmu. Tanpa ilmu manusia tidak mampu mengenal dan mengetahui tujuan sebenar ia diciptakan. Tanpa ilmu juga manusia tidak dapat mengenal siapakah Pencipta mereka. Maka manusia memerlukan ilmu untuk mengenal Allah dan untuk beribadat kepadaNya.

Banyak ayat-ayat Al-Quran yang mengaitkan orang-orang yang mempunyai ilmu dengan mereka yang mendapat petunjuk. Sebagaimana firman Allah s.w.t , ertinya "Dan tidaklah mengingati Allah kecuali mereka yang mempunyai akal." (Surah al-Imran : 7) Begitu juga banyak hadith-hadith Rasulullah mengenai keutamaan ilmu dan ulama, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud : "Keutamaan orang alim ke atas seorang abid seperti keutamaanku ke atas orang-orang yang dekat di antara kamu". Ini adalah kerana ilmu itu jika disaingkan dengan keimanan, akan membawa seseorang kepada tahap ketaqwaan dan keimanaan yang lebih tinggi lagi. Renungkanlah firman Allah s.w.t yang bermaksud: "Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.". (Surah Faathir : 28).Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa ulamalah yang paling tunduk dan taat kepada Allah. Mereka dapat melihat dan memahami kebesaran Allah s.w.t melalui ilmu mereka. Dengan pemahaman dan penghayatan terhadap kebesaran Allah s.w.t akan membuatkan mereka lebih takut kepada Allah dan secara langsung meningkatkan ketaqwaan mereka.

Di dalam Islam, tidak ada ibadah yang lebih baik dari menuntut ilmu kerana ibadah dengan ilmu adalah lebih baik dari ibadah tanpa ilmu. Mereka yang menuntut ilmu dianggap berjuang di dalam jalan Allah. Mereka yang menuntut ilmu dihormati oleh sekelian makhluk. Rasulullah s.a.w pernah bersabda di dalam sebuah hadith yang bererti: "Kelebihan orang mukmin yang alim atas mukmin yang rajin beribadah adalah tujuh puluh kali ganda". Keutamaan ulama bukan hanya setakat ketika mereka hidup di dunia ini, malah setelah mereka pergi meninggalkan dunia ini, jasa mereka tetap dikenang. Jika kita lihat peristiwa pengebumian para shuhada Uhud, apabila mereka dikebumikan secara berdua-dua, Rasulullah mengutamakan orang yang paling berilmu di antara mereka . Rasulullah s.a.w. bertanya kepada para sahabat : "Siapakah orang yang lebih mengetahui kitab Allah? Sahabat menjawab : "Ini ya Rasulullah". Maka mayat tersebut didahulukan daripada yang lain, kemudian diletakkan ke dalam liang lahad. Firman Allah s.w.t. di dalam Surah Al-Mujaadilah ayat 11 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman apabila dikatakan kepadamu: Berlapang-lapanglah dalam majlis, maka lapangkanlah, nescaya Allah akan melapangkan (tempat) untukmu. Dan apabila dikatakan: Berdirilah kamu, maka berdirilah nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi Ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Di dalam kitab Minhajul A'bidin karangan Imam al Ghazali dinyatakan dengan terperinci tentang kelebihan atau kepentingan ilmu. Ini kerana ilmu adalah kunci kepada amal. Ilmu dan amal diibaratkan sebagai dua permata yang berharga tetapi ilmu lebih mahal dari permata amal. Amal tanpa ilmu merupakan amalan yang sia sia, tidak akan diterima kerana belum tentu amalan itu menepati sunnah Nabi saw.. Ilmu merupakan penerang jalan hidup di dunia agar kita tidak sesat. Orang yang tidak berilmu umpama seorang pencari kayu api di tengah malam tanpa cahaya, kekadang ular pun disangka kayu api. Pepatah arab ada menyebut, ilmu tanpa amal, umpama pokok yang tidak berbuah. Nabi saw.pernah ditanya tentang amalan yang paling disukai oleh Allah swt. jawab baginda "amal yang sedikit tetapi berterusan" Ini memberi makna bahawa tidak guna berilmu banyak tanpa penghayatan dan amalan.

Kepentingan ilmu di dalam kehidupan adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan, lebih-lebih lagi dalam usaha untuk menjadikan masyarakat kita masyarakat yang berilmu dan berinformasi. Bagi orang Islam, terutamanya para remaja yang bakal mengisi kepimpinan negara masa depan, jenis ilmu yang wajar dipelajari adalah yang mampu membentuk satu pandangan hidup yang sempurna, progresif dan dinamik. Maka dengan itu, ia menuntut kepada keseimbangan antara ilmu agama dan juga ilmu dunia. Setiap cabang ilmu perlulah diisi dengan semangat dan roh keagamaan, akhlak atau nilai murni dan moral supaya terasa kesannya di dalam jiwa. Ilmu yang dipelajari adalah untuk diamalkan bagi memberi kesan positif kepada mereka yang mempelajarinya. Ilmu yang berguna tetapi tidak diamalkan adalah antara punca terjadinya kepincangan di dalam hidup manusia. Setiap kegiatan penyaluran ilmu dan maklumat atau

latihan kemahiran wajib disulami dengan unsur keagamaan seperti kesedaran terhadap aspek ketuhanan dan nilai-nilai akhlak. Jangan sekali-kali menganggap kesedaran agama adalah hanya diterapkan apabila berada di kelas atau ceramah agama sahaja, malah kesedaran dan penghayatan agama itu adalah di setiap ruang lingkup kehidupan seorang manusia.

Oleh yang demikian, setiap pihak terutama para pendidik bertanggungjawab untuk membawa perubahan yang positif dalam pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan pendidikan pelajar-pelajar IPT. Kegagalan memberikan perhatian terhadap aspek berkenaan, bakal melahirkan manusia yang gagal bertanggungjawab terhadap perbuatannya dan menjadikan kehidupan mereka terumbang ambing. Di mana kesannya hanya akan menjadikan mereka hidup umpama mesin biologi untuk memenuhi keperluan biologikal sahaja. Apa yang paling membimbangkan kepimpinan negara yang bakal diterajui mereka akan musnah. Virus kepincangan etika dan akhlak bukan sahaja merosakkan kehidupan mereka akan tetapi turut merosakkan masyarakat dan negara keseluruhannya.

Imam al-Ghazali mentakrifkan pendidikan itu sebagai “mengeluarkan perangai buruk yang ada pada manusia dan menyemaikan perangai dan sifat yang baik.” Dari sini kita dapat melihat bahawa pendidikan itu bersifat dalam dengan tujuan untuk melahirkan insan yang sempurna dan berakhhlak mulia. Ia juga bertujuan untuk menghasilkan perubahan positif kepada pembentukan pemikiran dan tindakan seseorang individu yang seterusnya akan membolehkannya berfungsi dengan sempurna dalam masyarakat atau ruang lingkup kegiatannya sama ada di alam pekerjaannya, rumah tangganya atau sebagainya. Bayangkanlah apabila kandungan pendidikan yang tidak seimbang menghasilkan manusia yang tidak jelas ‘*standard*’ moralnya atau hala tuju hidupnya. Kehidupan sehari-hari mereka hanyalah untuk memenuhi keperluan biologikal seperti makan-minum, perlindungan, berkeluarga dengan tanpa rasa tanggungjawab untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

## Penutup

Tanggungjawab pendidikan adalah amanah bagi semua pihak, dan ia menuntut agar setiap lapisan masyarakat memahami konsep pendidikan sebenar supaya matlamat pendidikan yang ingin dicapai tidak tersasar. Keberhasilan sesuatu usaha pendidikan di mana-mana peringkat adalah ditinjau daripada sejauh mana perubahan positif yang mampu dicapai dalam selang masa tertentu terhadap seseorang, terutamanya terhadap golongan graduan masa kini. Siapa pun tidak dapat menafikan bahawa mahasiswa adalah merupakan aset dan potensi yang sangat perlu dipelihara kerana untung nasib masa depan sesebuah masyarakat dan negara adalah terletak sepenuhnya di atas bahu mereka. Mereka adalah pewaris yang sah tamadun masa kini untuk dilanjut dan dipertingkatkan mutunya pada masa akan datang.

## Bibliografi

- [1]Baron, R.A, Byrne, D & Branscombe, (2003). *Social Psychology*. Allyn & Bacon, Boston
- [2]Covey, S.R., (1989). *Seven Habits of Highly Effective People*. Fireside, Simon & Schuster Inc.
- [3]Katz, D. & Stotland, E (1959). A preliminary Statement To A Theory of Attitude Structure and Change dlm. *Psychology: A Study of a Science* (vol 3). New York: McGraw-Hill.
- [4]Musa, M.M (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- [5]Nik Pa, N.Z (1994). *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: DBP.
- [6]Williams, R. (1970). *American Society: A Sociological Interpretation*. New York: Alfred A. Knopf.
- [7]Redzuan, M (2001) *Psikologi Sosial*. Selangor Darul Ihsan : UPM
- [8]Skinner, B.F. (1953). *About Behaviourism*. New York: Alfred A. Knopf.
- [9]Yunus, H.M. (1973). *Tafsir Quran Karim*. Djakarta: P.T Hidakarya Agung.
- [10]<http://www.bpr.gov.my/cda/m-info/sta-main.php>
- [11]<http://www.karyanet.com.my/knet/index.php?kamus-Dewan>